

MAHATHIR - HASUT
(1)

1982

BANGKOK, 9 DIS. (BERNAMA) -- MALAYSIA TIDAK AKAN MEMBENARKAN SEBARANG BOKONGAN DISALURKAN KEPADA PARA PENGHASUT POLITIK DI WILAYAH WILAYAH SELATAN THAI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SINI HARI INI.

KATANYA BELIAU MEMBERITAHU PERDANA MENTERI THAI JEN. TAN SRI PREM TINSULANONDA DALAM PERBINCANGAN MEREKA SELAMA SATU JAM SEMALAM BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA TIDAK MENJADIKAN TABIAT MENYOKONG PARA PEMBERONTAK DI NEGARA-NEGARA LAIN.

PERDANA MENTERI MALAYSIA ITU BERCAKAP DI SATU SIDANG AKHBAR DI SINI DI AKHIR LAWATAN RASMI DUA HARI KE NEGERI THAI.

KATANYA WALAUPUN DASAR MALAYSIA MENGENAI PERKARA ITU TELAH DIJELASKAN BEBERAPA KALI, MASIH TERDAPAT KESANGSIAN DI KALANGAN BEGELINTIR RAKYAT THAI BAHAWA MALAYSIA MENGGALAKKAN ATAU MENYOKONG PARA PEMBERONTAK DI SEBERANG SEMPADAN BERSAMA KEDUA-DUA NEGARA ITU.

OLEH KERANA MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA DEMOKRATIK, SUDAH PASTI TERDAPAT ORANG-ORANG YANG MEMPUNYAI PANDANGAN-PANDANGAN BERBEZA DARIPADA KERAJAAN.

+TETAPI BAGI PIHAK KAMI, KAMI TIDAK AKAN MEMBIARKAN SEBARANG KEGIATAN DI DALAM NEGARA KAMI YANG MEMPUNYAI CIRI-CIRI YANG AKAN MEROBAKKAN PERHUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGERI THAI,+ TEGASNYA.

--LAGI 2050/II

NNNN

MAHATHIR-HASUT 2 BANGKOK '9'9'9'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU DAN JEN. PREM MEMBINCANGKAN BERBAGAI-BAGAI ASPEK MASALAH KESELAMATAN DI SEPANJANG BEMPADAN MALAYSIA-THAI YANG MERUPAKAN KEBIMBANGAN BERSAMA KEDUA-DUA KERAJAAN.

KATANYA WALAUPUN HASUTAN-HASUTAN POLITIK DI SELATAN MERUPAKAN MASALAH DALAM NEGERI THAI, TERDAPAT RISIKO YANG IA AKAN MELIMPAH KE SEBERANG SEMPADAN DAN MASUK KE DALAM WILAYAH MALAYSIA.

+DARI ITU TIMBULLAH PERLUNYA BAGI KITA MEMAHAMI SEJAUH MANA MASALAH ITU SERTA POTENSINYA MENYEBABKAN HUBUNGAN ANTARA NEGERI THAI DENGAN MALAYSIA TERJEJAS,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH MALAYSIA DAN NEGERI THAI MENGHARGAI PANDANGAN MASING-MASING DAN TAHU CARA MANA UNTUK MENGATASI MASALAH ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENGADAKAN PERTEMUAN EMPAT BIJI MATA DENGAN JEN. PREM BERKATA PERBINCANGAN-PERBINCANGAN ITU TIDAK MEMAKAN MASA +KERANA TIDAK TERDAPAT BANYAK MASALAH ANTARA KITA.+

+KAMI MENDAPATI TIDAK ADA BANYAK PERBEZAAN PENDAPAT DAN KAMI BERPENDAPAT KERJASAMA MASA DEPAN KITA AKAN DAPAT DITINGKATKAN LAGI MENERUSI PERTEMUAN INI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU DAN JEN. PREM TELAH MENGULANGI NIAT KEDUA-DUA KERAJAAN UNTUK MENERUSKAN BEBERAPA PROJEK DUA-HALA.

-- LAGI 2102/ZCM
NNNN

MAHATHIR-HASUT 3 BANGKOK '9'9'9'

KATANYA BEBERAPA ISU MASIH PERLU DIBERESKAN DALAM RANCANGAN KEDUA-DUA KERAJAAN UNTUK MENGUBAHAKAN SECARA BERSAMA SUMBER-SUMBER DI PELANTAR BENUA DI PANTAI KELANTAN DAN SELATAN THAI.

+KAMI TIDAK TERGESA-GESA DAN BILA INI DILAKUKAN, KAMI AKAN MEMASTIKAN YANG PROJEK ITU BERJALAN LANCAR,+ KATANYA.

PAGI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAWAT KILANG TRAKTOR CHAROENCHAI, KIRA-KIRA 80 KILOMETER KE UTARA SINI DI WILAYAH AYUDHAYA.

BELIAU KEMUDIAN BERKERETA KE WILAYAH NAKHON PATHON, 40 KILOMETER KE TIMUR SINI UNTUK MELAWAT KEBUN BUAH-BUAHAN.

PADA SEBELAH TENGAHARI, DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH DI TERIMA MENGADAP OLEH RAJA BHUMIPOL ADULYADEJ DAN RATU SIRIKIT DI ISTANA CHITRALADA DI SINI.

MEREKA DIBERI UCAPAN SELAMAT TINGGAL DALAM SATU UPACARA PENUH TRADISI DI LAPANGAN TERBANG DON NUANG. JEN. PREM DAN MENTERI LUAR SIDDIH SAVETSILA MENGETUAI ORANG-ORANG KENAMAAN UNTUK MENGUCAP SELAMAT JALAN KEPADA PENIMPIN MALAYSIA. -- BERNAMA 2110/ZCM
.....